

Cymao tingkat pengeluaran kayu lapis

CYMAO Holdings Bhd (Cymao), yang disenarai di Malaysia Securities Exchange Bhd (MSEB) semalam, akan meningkatkan pengeluaran kayu lapis khusus dalam usahanya menjadi pembekal utama produk itu kepada industri pembuatan alat muzik sedunia.

Pengarah Eksekutif Cymao, Lin Kai Hsuan, berkata pihaknya dalam proses memuktamadkan kontrak membekal kerangka kayu lapis kepada beberapa syarikat pengeluar alat muzik khususnya gendang, di Taiwan, Jepun dan Eropah.

"Pengeluaran kayu lapis khusus bertindak sebagai penyokong aktiviti pengeluaran kayu lapis konvensional yang bergantung ke-

pada naik turun pasaran hartanah.

"Segmen ini adalah strategi pemasaran serampang dua mata yang menggabungkan margin keuntungan tinggi segmen kayu lapis khusus dan pengeluaran pukal kayu lapis konvensional," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyenaraian saham Cymao di Papan Utama MSEB di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Pengerusi Cymao, Datuk Mohd Zain Omar.

Lin berkata, pihaknya mensasarkan segmen kayu lapis khusus menyumbang 10 hingga 30 peratus kepada perolehan syarikat ta-



MOHD ZAIN (dua dari kiri) menunjukkan pergerakan saham Cymao Holding Bhd di BSKL - Gambar oleh Rosdan Wahid

hun ini berbanding hanya tiga peratus ketika ini.

"Cymao menjangka dalam tempoh tiga tahun akan datang pengeluaran segmen kayu lapis khusus dapat menyumbang sehingga 40 peratus kepada perolehan sya-

rikat," katanya.

Beliau berkata, peningkatan itu dijangka berikutan rancangan syarikat mempelbagaikan produk segmen kayu lapis khusus kepada pelbagai sektor lain termasuk automotif.

Mr. Lin told the press this after Cymao's shares listing ceremony on the Main Board of MSEB in Kuala Lumpur, yesterday. Also attended the ceremony was, Datuk Mohd Zain Omar, Cymao Chairman.

Mr. Lin said, the company expected its special plywood segment to contribute 10 to 30 per cent to total revenue by this year compared to only 3 per cent by this time.

"Cymao expected in three years later the production of special plywood segment to contribute up to 40 per cents to total revenue of the company," He added.

He said, enhancement expected followed by company plan to diversify the special plywood segment product to multi-various sector including automotive.